

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
KAWASAN : BUKIT GANTANG
TARIKH : 16 MAC 2016, RABU

SOALAN:

YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi diskaun tol kepada pengguna kad Touch N Go memandangkan sudah banyak konsesi lebuhraya menggunakan kaedah pembayaran secara elektronik sepenuhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 52 plaza tol telah melaksanakan sistem transaksi tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan yang menetapkan sistem ETC akan dilaksanakan sepenuhnya di semua plaza tol di negara ini mulai tahun 2018. Objektif utama sistem ETC ialah untuk mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol sekali gus dapat menjimatkan masa berbanding kutipan tol secara tunai atau manual.

Untuk menggalakkan pengguna beralih kepada sistem transaksi tol secara elektronik, beberapa siri kempen dan insentif telah dilancarkan oleh syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, iaitu seperti berikut:

- (a) Jualan kad Touch 'N Go dengan nilai minimum tambah nilai sebanyak RM5 dan tiada caj dikenakan pada harga kad;
- (b) Jualan SmartTAG dengan harga promosi iaitu RM99 seunit (tidak termasuk GST);
- (c) Pembukaan lorong tambah nilai yang beroperasi 24 jam; dan
- (d) Pembukaan Pusat Khidmat Pelanggan di plaza tol terpilih yang beroperasi dari jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam, termasuk hari minggu dan cuti umum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini program diskaun dan rebat tol diberikan kepada pengguna kad Touch N Go di bawah program ganjaran rebat PLUSMiles, iaitu untuk pengguna lebuh raya-lebuh raya di bawah kendalian syarikat PLUS Malaysia Berhad sahaja. Melalui program ini pemegang kad PLUSMiles yang melakukan transaksi minimum berjumlah RM100 setiap bulan di semua rangkaian lebuh raya kendalian PLUS (kecuali di plaza tol Bukit Kayu Hitam, plaza tol Bangunan Sultan Iskandar, plaza tol Tanjung Kupang dan Jambatan Pulau Pinang) – layak untuk menerima rebat tol sebanyak 5%.

Di samping itu program rebat tol sehingga 50% juga turut ditawarkan oleh hampir semua syarikat konsesi pada musim perayaan utama iaitu pada sambutan Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Krismas. Pemberian rebat tol ini bertujuan menggalakkan orang ramai beralih kepada sistem pembayaran secara elektronik yang lebih mudah dan pantas, selain dapat menyuraikan trafik dan menggalakkan pengguna bergerak pada luar waktu puncak. Bagi penduduk Pulau Pinang pula, mereka turut menikmati diskaun tol sebanyak 20% jika berdaftar dan menggunakan Touch N Go untuk laluan Jambatan Pulau Pinang.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN
CHUA [BATU]**

TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)

SOALAN : 51

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan apakah status sistem KEJARA di
Malaysia yang diminta dilaksanakan secepat mungkin oleh Ketua Polis
Negara. Bukankah sistem ini dijalankan semenjak beberapa tahun yang
lalu, dan nyatakan sebab-sebab ianya tidak dikuat kuasakan.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Mata Demerit atau KEJARA telah dilaksanakan mulai tahun 1997 di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Mata Demerit) 1997. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 telah dipinda bagi membolehkan sistem ini dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan efisien. Sebelum pindaan akta dibuat, pesalah-pesalah diberi mata demerit sebaik sahaja pesalah tersebut membayar penalti. Manakala selepas pindaan Akta tersebut, mata demerit diabaikan apabila pesalah menyelesaikan penalti dalam tempoh tiga bulan dari tarikh saman dikeluarkan.

Susulan pindaan tersebut, beberapa pihak termasuk ahli akademik telah memberikan pandangan bahawa sistem baharu pemberian mata demerit adalah tidak adil. Mereka berpandangan bahawa mata demerit hendaklah diberikan kepada mana-mana pesalah tanpa mengambilkira tempoh pembayaran. Berdasarkan kepada pandangan ini, pihak Kementerian telah memutuskan supaya pelaksanaan sistem mata demerit ditangguhkan buat sementara waktu untuk dikaji semula. Kajian ini diketuai oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama-sama dengan beberapa agensi lain. Kajian tersebut telah selesai sepenuhnya pada penghujung tahun 2015.

Pihak Kementerian telah meneliti dapatan hasil kajian tersebut dan sedang mempertimbangkan untuk melaksanakan semula penguatkuasaan Sistem Mata Demerit atau KEJARA dalam masa terdekat.